

13/11/2003

Majlis penghargaan Umno untuk Dr M

KUALA LUMPUR: Kira-kira 6,000 pemimpin dan ahli Umno dari seluruh negara dijangka menghadiri majlis terima kasih dan penghargaan kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, bulan depan.

Mesyuarat Pengurusan Umno yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam bagaimanapun belum dapat menetapkan tarikh sebenar majlis itu.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob, berkata majlis itu akan diadakan bulan depan di Dewan Pameran Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

"Kita mahu menggunakan dewan lebih besar untuk menampung antara 5,000 dan 6,000 ahli Umno. Kita akan menjemput veteran Umno dan pemimpin Umno lain di peringkat bahagian.

"Tarikh sebenar akan diputuskan setelah rundingan dengan pihak pejabat Dr Mahathir," katanya ketika dihubungi Berita Harian. Mesyuarat pengurusan Umno diadakan di pejabat Perdana Menteri di Putrajaya semalam.

Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno yang dipengerusikan Abdullah selaku Pemangku Presiden parti baru-baru ini bersetuju untuk mengadakan majlis terima kasih dan penghargaan kepada Dr Mahathir dan isterinya.

Pada majlis penghargaan itu, Abdullah yang mengambil alih jawatan sebagai Perdana Menteri ke-5 pada 31 Oktober lalu, akan menyampaikan ucapan sebelum ucapan balas Dr Mahathir.

Megat Junid bagaimanapun berkata, butir lanjut acara pada majlis itu belum diputuskan.